

MAJLIS PENUTUP KURSUS PRINCIPAL AIR WARFARE (PAW) SIRI 12/18

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3347-majlis-penutup-kursus-principal-air-warfare-paw-siri-12-18

KUALA LUMPUR, 13 Apr 18 – Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Principal Air Warfare (PAW) siri 12/18 telah disempurnakan oleh AKS Sumber Manusia, Brig Jen Dato' Haji Md Fauzi bin Saleh TUDM. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Komander AWC TUDM, Kol Felix Gonsalves Alexander TUDM.



Kursus yang bermula pada 2 hingga 13 Apr 2018 ini telah dihadiri seramai 14 orang pegawai yang terdiri daripada pelbagai ketukangan dalam perkhidmatan TUDM. Edisi kali ini, menyaksikan peserta menamatkan kursus selama 2 minggu di Hotel Furama, Kuala Lumpur dengan cemerlang.



Secara keseluruhan, kursus PAW yang dianjurkan ini berjaya mencapai objektif melalui pendedahan berkenaan aspek-aspek seperti berikut:

- a. Prinsip-prinsip peperangan udara, sejarah serta pembangunan berkaitan peperangan udara moden.
- b. Pengenalan kepada proses perancangan operasi serta implimentasi diperingkat operasi dan teknikal.
- c. Pendedahan kepada simulasi olah perang dengan mengaplikasikan, Extended Air Defence Simulation System (EADSIM).



Kursus PAW siri 12/18 telah dikoordinasikan oleh AWC TUDM dengan penglibatan tenaga pengajar daripada AWC TUDM sendiri serta pegawai-pegawai daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.

